

Penggunaan Pusat Sumber Sekolah (PSS) Dalam Pengajaran Guru Di Dua Sekolah Menengah Kebangsaan Di Kawasan Skudai

Yusof Boon & Rohaizad Selemin

Fakulti Pendidikan,

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan guru terhadap peranan Pusat Sumber Sekolah dalam pengajaran dan tahap sikap guru terhadap aktiviti Pusat Sumber Sekolah. Kajian ini juga bertujuan mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru terhadap peranan Pusat Sumber Sekolah dalam pengajaran dan sikap guru terhadap aktiviti Pusat Sumber Sekolah mengikut jantina, umur dan pengalaman, mengajar guru. Responden kajian terdiri daripada 105 orang guru sekolah menengah di dua buah sekolah dalam kawasan Skudai. Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah bentuk soal selidik yang mengandungi sejumlah soalan yang berkaitan dengan tahap pengetahuan guru terhadap peranan Pusat Sumber Sekolah dan tahap sikap guru terhadap aktiviti Pusat Sumber Sekolah. Data kajian dianalisis secara kuantitatif menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS Version 11.5)* yang melibatkan penggunaan kaedah statistik Ujian-T dan ANOVA Sehalu. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan guru terhadap peranan Pusat Sumber Sekolah dalam pengajaran berada pada tahap sederhana dengan min 1.88 dan tahap sikap guru terhadap aktiviti Pusat Sumber Sekolah juga berada pada tahap sederhana dengan min 1.88. Dapatan kajian juga menunjukkan faktor jantina, umur dan pengalaman mengajar guru tidak memperlihatkan perbezaan yang signifikan terhadap tahap pengetahuan guru terhadap peranan Pusat Sumber Sekolah dan sikap guru terhadap aktiviti Pusat Sumber Sekolah. Hasil dapatan kajian ini, dicadangkan agar faktor pengetahuan guru terhadap peranan Pusat Sumber Sekolah diambil kira sebagai penentu utama kepada sikap guru terhadap aktiviti Pusat Sumber Sekolah.

Katakunci : pusat sumber sekolah (PSS), tahap pengetahuan guru

Pendahuluan

Sistem pendidikan di Malaysia kini berkembang seiring dengan kemajuan Negara pada masa kini. Ianya selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang berilmu. Pendidikan yang berkualiti dapat menghasilkan sumber manusia yang berilmu pengetahuan dan seterusnya dapat bersama-sama memacu Negara kepada sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Pendidikan yang berkualiti didefinisikan sebagai sebarang perkhidmatan yang mampu memuaskan keperluan dan harapan negara.

Pusat Sumber Sekolah merupakan komponen yang berfungsi secara berkesan dalam mewujudkan pembelajaran yang kondusif dan selesa. Peranan dan sumbangan Pusat Sumber Sekolah terhadap proses pengajaran dan pembelajaran khususnya serta pendidikan umumnya dapat membantu para pelajar meluaskan pandangan serta menguatkan nilai dalam diri mereka (Kadir, 1993). Perkembangan dalam Pusat Sumber Sekolah hari ini dilihat begitu pesat berbanding masa-masa yang terdahulu. Hari ini, Pusat Sumber Sekolah bukan hanya sebuah bilik tetapi ianya merangkumi seluruh sekolah (Azman, 2005). Berteraskan kepada system pendidikan negara, Pusat Sumber Sekolah adalah antara unit yang terpenting sebagai gedung penyimpanan maklumat untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan sumber.

Yusuf (1997) merujuk kepada pusat sumber sebagai gedung yang menyokong kearah kesempurnaan pengajaran dan pembelajaran. Menjadi harapan dan matlamat semua pihak untuk

melihat kecemerlangan dalam pendidikan. Perkembangan dan kemajuan negara banyak bergantung kepada kecemerlangan dan kualiti pendidikan yang dihasilkan. Semua pihak haruslah mencurahkan segala tenaga dan daya usaha untuk mewujudkan sekolah yang cemerlang di mana hasilnya dari kepimpinan yang berwibawa, berketrampilan dan mantap. Ianya perlu selari dengan pengurusan dalam pengajaran dan pembelajaran yang sistematik.

Perancangan aktiviti Pusat Sumber Sekolah yang strategik merupakan aspek yang terpenting kepada pelaksanaan sistem pendidikan di Malaysia. Perancangan yang baik akan menyumbang kepada pendidikan yang bertaraf dunia disamping meningkatkan proses pengayaan maklumat kepada masyarakat Malaysia. Pelaksanaan aktiviti yang berkaitan dengan pusat sumber sekolah tanpa perancangan yang strategik akan mengakibatkan kerugian sumber kepada pihak sekolah khususnya dan pada negara umumnya.

Pernyataan Masalah

Berdasarkan hasil kajian (Petugas Sekolah Bestari, 1997) mendapati bahawa kebanyakan proses pengajaran dan pembelajaran yang masih dijalankan secara manual dan ianya tidak meningkatkan produktiviti dan kualiti sebuah sekolah. Pusat Sumber Sekolah diwujudkan sebagai untuk memenuhi keperluan guru dan pelajar bagi proses pengajaran dan pembelajaran. Ianya penting sebagai salah satu cara untuk memaksimumkan pendedahan maklumat dan sumber bahan pembelajaran kepada pengguna khususnya kepada pelajar dan guru. Perkembangan pengetahuan yang semakin pantas berubah dari semasa ke semasa. Ilmu pengetahuan wujud dari pelbagai bentuk maklumat sama ada dalam bentuk bercetak, bukan cetak, teknologi maklumat dan bentuk elektronik. Menurut Rusmini (2004), menegaskan pembelajaran merupakan satu proses maklumat diterima, diproses dan disimpan dalam pemikiran seseorang. Guru-guru dan para pelajar perlu mengetahui tentang peranannya dan seterusnya dapat memanfaatkannya dengan semaksimum yang mungkin kerana ianya mengandungi pelbagai jenis sumber pelajaran untuk menyalurkan berbagai-bagai pengetahuan dan maklumat melalui deria bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Teknologi Pendidikan dan agensi-agensi lain telah mengeluarkan sejumlah peruntukan yang agak besar dalam pembekalan sumber bagi Pusat Sumber Sekolah bagi setiap sekolah di Malaysia. Walau bagaimanapun, tahap penggunaan pusat sumber sekolah dalam pengajaran masih diragukan baik dikalangan guru-guru mahu pun pelajar itu sendiri. Jelas sekali, peranan pusat sumber sekolah amat penting untuk mencapai hasrat kerajaan untuk merealisasikan pendidikan yang berkualiti di Malaysia.

Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa objektif untuk dicapai dan antara objektif-objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti tahap pengetahuan guru-guru terhadap peranan Pusat Sumber Sekolah dalam pengajaran.
- ii. Mengenalpasti tahap sikap guru-guru terhadap aktiviti Pusat Sumber Sekolah.
- iii. Mengenalpasti perbezaan diantara tahap pengetahuan guru-guru terhadap peranan Pusat Sumber Sekolah dalam pengajaran dan sikap guru-guru terhadap aktiviti Pusat Sumber Sekolah mengikut jantina, umur dan pengalaman mengajar.

Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini akan dapat memberikan gambaran sebenar tentang tahap pengetahuan guru-guru di dua sekolah menengah kebangsaan di kawasan Skudai terhadap peranan Pusat Sumber Sekolah dalam pengajaran. Selain itu, dari kajian ini, kita akan mengenalpasti sejauh manakah sikap guru-guru terhadap aktiviti Pusat Sumber Sekolah. Seterusnya dapat mengetahui keberkesanan Pusat Sumber Sekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini amat penting dalam melahirkan masyarakat yang berilmu pengetahuan, berkemahiran dan berteknologi maklumat dalam abad ke 21 ini. Dengan itu, kualiti sumber pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan yang sistematik dengan suasana Pusat Sumber Sekolah perlu dipertingkatkan. Ianya juga akan dapat membantu pihak-pihak tertentu sama ada pihak sekolah, guru-guru dan juga pihak luar untuk memberi penekanan aspek-aspek yang penting dalam mempertingkatkan lagi tahap penggunaan Pusat Sumber Sekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan Pusat Sumber Sekolah yang berkesan boleh membawa anjakan kaedah pengajaran dan pembelajaran dan berpusatkan guru kepada berasaskan sumber dan berpusatkan murid (Zorah, 1995). Menurut Sobariah dan Shamila (2006), anjakan paradigma yang berlaku didalam proses pengajaran dan pembelajaran antara amalan semasa dan amalan bestari menunjukkan guru membekalkan maklumat kepada pelajar, memberi lebih jawapan daripada soalan, bertanya soalan aras rendah dan menggunakan sumber dalam bentuk teks dan bukan elektronik yang mana pendekatannya lebih berpusat kepada pelajar dan berfokuskan pembelajaran.

Melalui kajian ini, pihak pengurusan dan pentadbiran sekolah dapat mengenalpati kekurangan dan kelemahan dan dengan itu dapat mempertingkatkan kualiti Pusat Sumber Sekolah dengan mewajibkan setiap guru disekolah menggunakan Pusat Sumber Sekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sekurang-kurangnya sekali seminggu. Ianya perlu diperluaskan kepada semua mata pelajaran di sekolah dan bukannya pada mata pelajaran teras seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains sahaja.

Pentadbiran dan pengurusan Pusat Sumber Sekolah hendaklah disusun semula agar tanggungjawab menguruskan Pusat Sumber Sekolah bukan sahaja terletak pada Penyelaras Pusat Sumber Sekolah dan Guru Media sahaja tetapi juga melibatkan semua guru-guru disekolah tersebut. Pentadbiran sekolah perlulah menyediakan peruntukan kepada Pusat Sumber Sekolah agar bahan sumber di dalam Pusat Sumber Sekolah dapat ditambah dan dikemaskini supaya bahan-bahan sumber didalamnya sentiasa memenuhi keperluan guru-guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran masa kini. Antara pendukung yang utama dalam memartabatkan penggunaan Pusat Sumber Sekolah adalah Pengetua, Ketua Bidang dan Ketua Panitia Mata Pelajaran. Mereka perlulah menunjukkan minat dan tanggungjawab yang mendalam terhadap Pusat Sumber Sekolah kerana segala tingkahlaku mereka yang positif terhadap Pusat Sumber Sekolah akan menjadi teladan dan ikutan oleh guru-guru dan para pelajar.

Justeru itu, diharapkan melalui kajian ini, ianya akan membuka mata semua pihak agar kepentingan dan peranan Pusat Sumber Sekolah tidak boleh dipinggirkan begitu sahaja kerana ianya mempengaruhi kualiti proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah demi memupuk budaya ilmu pengetahuan di kalangan masyarakat Malaysia.

Reka Bentuk Kajian

Bagi kajian yang dijalankan ini, penyelidik menggunakan kajian jenis deskriptif dalam kajian kes. Ianya dijalankan bertujuan untuk mendapatkan data mengenai sesuatu maklumat serta perbandingan dan perkaitan antara pembolehubah. Pembolehubah-pembolehubah yang

dimaksudkan ialah demografi, pengetahuan dan sikap guru terhadap Pusat Sumber Sekolah. Kajian deskriptif pada dasarnya boleh dikelaskan sama ada dalam bentuk tinjauan atau bentuk pemerhatian.

Kajian ini dilakukan untuk meninjau keadaan yang berlaku di Pusat Sumber Sekolah kerana terdapat kajian yang dilakukan mengatakan keberkesanan dan pengurusan serta sikap guru terhadap program-program Pusat Sumber Sekolah adalah ditahap yang rendah. Kaedah tinjauan ini menggunakan borang soal selidik kerana ini sesuai digunakan dalam penyelidikan yang bermatlamatkan untuk menerangkan sesuatu fenomena (Najib, 1990)

Pembolehubah bebas dalam kajian ini ialah faktor demografi guru iaitu jantina, umur dan pengalaman mengajar. Manakala pembolehubah terikat ialah pengetahuan guru terhadap peranan Pusat Sumber Sekolah dalam pengajaran dan sikap guru terhadap program-program Pusat Sumber Sekolah.

Sebelum kajian ini dijalankan, terlebih dahulu dilakukan persediaan seperti membuat rujukan terhadap soalan yang terdapat dalam borang soal selidik yang telah dibuat oleh penyelidik-penyelidik yang terdahulu yang berkaitan dengan Pusat Sumber Sekolah, memilih dan menentukan soalan yang baik dan sesuai untuk digunakan, menjalankan soal selidik di dua buah sekolah menengah kebangsaan di kawasan Skudai, mengumpulkan data, melakukan pengekodan data dan yang terakhir sekali mengolah data.

Responden Kajian

Kajian yang dijalankan meliputi dua buah sekolah menengah kebangsaan dalam kawasan Skudai dan kajian ini dilakukan keatas semua guru yang mengajar di sekolah-sekolah tersebut. Responden kajian ialah 105 orang guru. Semua guru disekolah berkenaan akan dijadikan responden kajian dan borang soal selidik diberikan kepada semua guru. Bilangan sekolah dan subjek kajian yang menjawab dan mengembalikan borang soal selidik tersebut ditunjukkan melalui jadual dibawah.

Jadual 1 Bilangan responden kajian mengikut sekolah

Bilangan	Nama sekolah	Responden
1	SMK Taman Mutiara Rini 2	60 orang
2	SMK Desa Skudai	45 orang
Jumlah		105 orang

Instrumen kajian

Alat penyelidikan adalah penting dalam sesuatu kajian yang akan dijalankan. Ia juga kadang kala dinamakan sebagai instrumen kajian atau alat ukur. Alat ukur akan menentukan sama ada data atau maklumat yang dikehendaki diperoleh atau tidak. Alat ukur yang sempurna dapat mengukur dengan tepat sesuatu pembolehubah (Majid, 1990)

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan satu set soal selidik yang telah dibuat berdasarkan kepada objektif-objektif kajian seperti mana yang telah dinyatakan pada bab 1 penyelidikan ini. Ianya dianggap praktikal dan berkesan kerana soal selidik tersebut memrlukan kejujuran dan ketepatan subjek dalam menjawab semua soalan yang dikemukakan. Di samping itu, masalah masa dan kemampuan tenaga yang terhad menyebabkan penyelidik memilih kaedah soal selidik tersebut dan ianya dianggap paling tepat dan sesuai digunakan bagi menjalankan kajian ini.

Menurut Najib (1999), skala sikap merujuk kepada haluan berdasarkan tahap-tahap tertentu dalam bentuk pangkat (tinggi kepada rendah atau sebaliknya) atau kategori (pengkelasan). Untuk pengukuran data, penyelidik menggunakan pengukuran data mengikut skala iaitu mengandungi satu set pilihan jawapan dan nilai positif ke nilai negatif. Di dalam soal selidik ini, ianya mengandungi jenis skala seperti di bawah.

Jadual 2 Pengukuran data mengikut skala empat mata

Skala	Keterangan	
4	Sangat Setuju	SS
3	Setuju	S
2	Tidak Setuju	TS
1	Sangat Tidak Setuju	STS

Bagi responden yang memilih sangat setuju (SS) dan setuju (S) dikira berpendirian teguh bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan dan responden yang memilih tidak setuju (TS) dan sangat tidak setuju (STS) pula adalah mereka yang teguh pendirian menolak kenyataan yang dikemukakan dalam soal selidik tersebut.

Soal Selidik Bahagian A : Soal selidik yang dikemukakan pada bahagian ini ialah faktor demografi guru bertujuan untuk mengetahui jantina, umur dan pengalaman mengajar. Bahagian ini mengandungi tiga soalan berbentuk objektif iaitu lelaki dan perempuan untuk soalan soal selidik jantina, 21-30 tahun, 31-40 tahun dan 41 tahun keatas untuk soalan soal selidik umur dan 0-5 tahun, 6-10 tahun dan 11 tahun keatas untuk soalan soal selidik pengalaman mengajar.

Soal Selidik Bahagian B : Jadual 3 menunjukkan pembahagian soal selidik bahagian ini kepada dua iaitu pertama, tahap pengetahuan guru terhadap peranan Pusat Sumber Sekolah dalam pengajaran dan kedua, tahap sikap guru terhadap aktiviti Pusat Sumber Sekolah.

Jadual 3 Bilangan item berhubung persoalan kajian untuk bahagian B

Objektif Kajian	Nombor item	Bilangan item
Mengenalpasti tahap pengetahuan guru-guru terhadap peranan Pusat Sumber Sekolah dalam pengajaran.	1,3,5,7,9,11,13,15,17,19	10
Mengenalpasti tahap sikap guru-guru terhadap aktiviti Pusat Sumber Sekolah	2,4,6,8,10,12,14,16,18,20	10

Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dijalankan, satu kajian rintis telah dijalankan keatas 10 orang guru yang tidak terlibat sebagai responden dalam kajian sebenar di SMK Damai Jaya, Skudai. Kajian rintis ini bertujuan untuk memastikan ketekalan alat kajian. Data-data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan *Alpha Cronbach* untuk menentukan nilai ketekalan alat

ujian. Menurut Mohd Najib (1999), meskipun tiada batasan khusus yang boleh digunakan untuk menentukan pekali kebolehpercayaan, nilai signifikan yang lebih daripada 0.60 sering digunakan dan menjadi rujukan paling minimum untuk diterima. Maka, instrumen soal selidik yang digunakan ini boleh digunakan dalam kajian sebenar nanti memandangkan ia mempunyai kebolehpercayaan yang mencukupi.

Jadual 4 Nilai ketekalan alat kajian bagi ujian rintis

Alat Kajian	Nilai Alpha Cronbach
Pengetahuan guru terhadap peranan Pusat Sumber Sekolah	0.7047
Sikap guru terhadap aktiviti Pusat Sumber Sekolah	0.7675
Keseluruhan	0.3205

Analisis Data

Item 1, 3, 5, 7, 9, 11, 13, 15, 17 dan 19 akan menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu tahap pengetahuan guru-guru terhadap peranan Pusat Sumber Sekolah dalam pengajaran. Item 2, 4, 6, 8, 10, 12, 14, 16, 18 dan 20 akan menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu tahap sikap guru-guru terhadap aktiviti Pusat Sumber Sekolah.

Jadual 5 Taburan responden mengikut min, sisihan piawai dan peratus bagi tahap pengetahuan guru-guru terhadap peranan PSS dalam pengajaran

Item	SS	S	TS	STS	Sisihan Piawai	Min
1	30.5	63.8	5.7		0.55	3.25
3	5.7	44.8	46.7	2.9	0.65	2.53
5	21.0	71.4	7.6		0.52	3.13
7	10.5	59	26.7	3.8	0.69	2.76
9	7.6	49.5	41.0	1.9	0.65	2.63
11	16.2	59.0	24.8		0.64	2.91
13	1.9	35.2	60.0	2.9	0.57	2.36
15	9.5	44.8	37.1	8.6	0.78	2.55
17	5.7	51.4	36.2	6.7	0.71	2.56
19	8.6	49.5	40.0	1.9	0.66	2.65
Min keseluruhan						2.73

Jadual 5 menunjukkan taburan mengikut peratus dan min bagi tahap pengetahuan guru-guru terhadap peranan Pusat Sumber Sekolah dalam pengajaran. Item 1 memperoleh min tertinggi iaitu 3.25 dengan mencatat 63.8 peratus responden menjawab setuju, 30.5 peratus responden menjawab sangat setuju dan 5.7 peratus responden menjawab tidak setuju. Tiada responden menjawab sangat tidak setuju bagi pernyataan item 'Pusat Sumber Sekolah membantu guru-guru dan pelajar untuk mendapatkan pelbagai bahan rujukan untuk menambahkan ilmu pengetahuan'.

Secara keseluruhannya min bagi kesepuluh-sepuluh item bagi menjawab persoalan kajian mengenai tahap pengetahuan guru-guru terhadap peranan Pusat Sumber Sekolah dalam pengajaran adalah 2.73.

Jadual 6 Taburan responden mengikut min, sisihan piawai dan peratus bagi tahap sikap guru-guru terhadap aktiviti PSS

Item	SS	S	TS	STS	Sisihan piawai	Min
2	9.5	66.7	23.8		0.56	2.86
4	9.5	58.1	32.4		0.61	2.77
6	5.7	61.0	33.3		0.56	2.72
8	4.8	39.0	53.3	2.9	0.64	2.46
10	23.8	48.6	24.8	2.9	0.78	2.93
12	14.3	65.7	20.0		0.59	2.94
14	21.9	46.7	28.6	2.9	0.78	2.88
16	9.5	22.9	57.1	10.5	0.79	2.31
18	10.5	71.4	18.1		0.53	2.92
20	2.9	37.1	51.4	8.6	0.68	2.34
Min keseluruhan						2.71

Jadual 6 menunjukkan taburan mengikut peratus dan min bagi tahap sikap guru-guru terhadap aktiviti Pusat Sumber Sekolah. Item 12 memperoleh min tertinggi iaitu 2.94 dengan mencatat 65.7 peratus responden menjawab setuju, 20.0 peratus responden menjawab tidak setuju dan 14.3 peratus responden menjawab sangat setuju. Tiada responden menjawab sangat tidak setuju bagi pernyataan item 'penglibatan guru-guru dalam program-program Pusat Sumber Sekolah dapat mempertingkatkan lagi pencapaian akademik sekolah'.

Secara keseluruhannya min bagi kesepuluh-sepuluh item bagi menjawab persoalan kajian mengenai tahap pengetahuan guru-guru terhadap peranan Pusat Sumber Sekolah dalam pengajaran adalah 2.71.

Perbincangan

Item 1 menunjukkan min tertinggi iaitu 3.25. Item ini menyatakan bahawa 'Pusat Sumber Sekolah membantu guru-guru dan pelajar untuk mendapatkan pelbagai bahan rujukan untuk menambahkan ilmu pengetahuan'. Responden telah memberikan jawapan yang positif dan ini menunjukkan guru-guru mempunyai kesedaran bahawa Pusat Sumber Sekolah sememangnya membantu guru-guru dan pelajar untuk mendapatkan pelbagai bahan rujukan untuk menambahkan ilmu pengetahuan selain daripada buku teks. Dapatan ini disokong oleh Abdul Rahman (1993), menyatakan pusat sumber perlu berperanan sebagai '*the nerve center of the school*' yang menggerakkan dan mengembangkan kurikulum serta menyuburkan pertumbuhan intelek dan sahsiah pelajar.

Secara umumnya, tahap pengetahuan guru-guru terhadap peranan Pusat Sumber Sekolah dalam pengajaran perlulah dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Ianya perlu agar tahap pengetahuan guru-guru tidak berada pada tahap sederhana sahaja. Dengan menghayati peranan Pusat Sumber Sekolah dengan sebaiknya, tahap pengetahuan guru-guru akan meningkat lagi.

Item 12 memperolehi min tertinggi iaitu 2.94. Penyataan item menyatakan 'penglibatan guru-guru dalam program-program Pusat Sumber Sekolah dapat mempertingkatkan lagi pencapaian akademik sekolah'. Ini menunjukkan sikap yang positif guru-guru terhadap aktiviti-aktiviti Pusat Sumber Sekolah akan mempertingkatkan lagi pencapaian akademik sekolah. Menurut Zohra (1995), penggunaan Pusat Sumber Sekolah yang berkesan boleh membawa anjakan kaedah pengajaran dan pembelajaran dan berpusatkan guru kepada berasaskan sumber dan berpusatkan murid. Dengan sikap guru-guru yang positif terhadap aktiviti Pusat Sumber Sekolah boleh meningkatkan kualiti pembelajaran para pelajar.

Tahap sikap guru-guru yang tinggi terhadap aktiviti Pusat Sumber Sekolah akan membantu meningkatkan tahap penggunaan Pusat Sumber Sekolah. Dengan penglibatan yang tinggi daripada pihak guru-guru dalam aktiviti Pusat Sumber Sekolah, ianya secara tidak langsung dapat meningkatkan penggunaan bahan-bahan pengajaran secara maksimum. Dengan itu, budaya penerapan budaya ilmu dikalangan para pelajar boleh belaku dengan sebaik-baiknya.

Hasil kajian ini menunjukkan tidak dapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan guru-guru terhadap peranan Pusat Sumber Sekolah dalam pengajaran dan sikap guru-guru terhadap aktiviti Pusat Sumber Sekolah mengikut jantina. Guru lelaki dan guru perempuan tidak memperlihatkan perbezaan tahap pengetahuan dan sikap mereka terhadap Pusat Sumber Sekolah. Semua guru-guru tidak mengira sama ada guru lelaki atau perempuan harus mendapatkan latihan dalam penggunaan kemudahan yang disediakan oleh Pusat Sumber Sekolah. Semua aktiviti yang dianjurkan perlu bersifat menyeluruh agar dapat melahirkan sifat yang positif dikalangan guru tanpa mengira jantina disamping dapat memberi kepuasan kepada mereka. Dapatan ini disokong oleh Holder (1974), yang menyatakan kejayaan sebuah pusat sumber amat bergantung kepada seramai mungkin pendidik.

Secara umumnya, faktor jantina bukanlah menjadi faktor utama yang membezakan tahap pengetahuan dan tahap sikap terhadap Pusat Sumber Sekolah. Semua guru perlu menyesuaikan diri dengan pengetahuan dalam bidang kerja kerja yang semakin mencabar kerana perkembangan ilmu pengetahuan yang pesat membangun.

Rujukan

- Atan Long (1983). *Pedagogi : kaedah am mengajar*. Petaling Jaya : Fajar Bakti.
- Azman Larut (2005). *Panduan mengurus pusat sumber sekolah*. Batu Caves, Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

- Brittel, S. (1987). Empirical validation of effect, behaviour and cognition as district components of attitude. *Journal of personality and social psychology*, Vol 47: 1191-1205
- Daud Mohd Noor (1985). *Mengenal dan memahami Pusat Sumber Sekolah*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.
- Emrick, M. and Cheah, F.F (1974). Guidelines on planning. *Seminar on Library Buildings*. Shah Alam : Universiti Teknologi Mara.
- Halimah Badioze Zaman (1986). Kajian kes mengenai kecenderungan murid terhadap penggunaan perpustakaan sekolah. *Jurnal Pendidikan*. Jilid 10 & 11: 57-67.
- Halimah Badioze Zaman (1993). *Pusat Sumber Sekolah, perancangan dan reka bentuk*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2000). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 10/2000: Tahun Pusat Sumber Sekolah (PSS) 2000*. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lai Kim Leong, Khaw Ah Hong dan Seah Ai Kuan (1998). *Satu kajian mengenai penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran pembelajaran matematik di sekolah rendah*. Kuching :Jabatan Matematik Maktab Perguruan Batu Lintang.
- Leuba (1966). *Age as a factor of teacher job satisfaction*. Psychology. Mat Jizat Abdol dan Hj Mohd Idris Mansor (1995). Pusat sumber sekolah : antara perancangan dan pelaksanaannya disekolah, satu tinjauan, *Seminar Penyelidikan Pendidikan Pertama*. Oktober 11. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 1-33
- Mellon (1987). *The computer as an educational tools in library*. New Jersey : Merrill Prentice Hall.
- Rusmini Ku Ahmad (2004). *Integrasi teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran*. Institut Aminudin Baki Cawangan Utara: Kedah
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1984). *Teknologi pengajaran*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Vicek, C. (1982). Designing a library media resource centre. *Singapore Libraries* J.I 12: 56-79.
- W. J. Haynie, V. W. DeLuca, and B. Matthews (2005). Perceptions and practices of technology student association advisors on implementation strategies and teaching methods. *Journal of Technology Education* Vol. 16 (2): 25-36